




Penyakit
TIBI

Dapatlan Pengesanan Awal)

Apakah itu Penyakit TIBI?



- Otak
- Tulang
- Paru-paru
- Kelenjar
- Kulit
- Buah Pinggang

TIBI merupakan sejenis penyakit berjangkit merbahaya yang boleh membawa maut sekiranya tidak mendapat rawatan yang sempurna.

Penyakit ini disebabkan oleh kuman Tibi (*Tubercle Bacili*) yang biasanya menjangkiti paru-paru. Ia juga boleh menyerang organ-organ lain seperti selaput otak, tulang, kelenjar, buah pinggang, kulit dan sebagainya.

Tanda & Gejala PENYAKIT TIBI PARU-PARU

- Batuk berterusan lebih dari 2 minggu
- Kahak yang mengandungi darah
- Demam dan berpeluh di sebelah petang dan malam
- Susut berat badan dan hilang selera makan
- Sakit dada apabila batuk atau semasa menarik nafas panjang
- Mudah letih

Cara Jangkitan



Kuman Tibi disebarkan melalui udara. Pesakit Tibi akan mengeluarkan kuman Tibi di udara apabila batuk atau bersin. Setiap individu yang menyedut udara tercemar ini terdedah kepada jangkitan kuman Tibi.

Cara Mengesan

TIBI

Sekiranya anda mempunyai tanda-tanda penyakit Tibi anda akan diminta:

- Melakukan pemeriksaan kahak dan/atau
- Menjalani pemeriksaan x-ray



Rawatan Tibi Melalui Strategi DOTS

DOTS (Directly Observed Treatment-Shortcourse) atau *Pengawasan Rawatan Jangka Pendek Secara Terus* merupakan strategi yang disarankan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) untuk merawat penyakit Tibi.

Prinsip-prinsip DOTS adalah:

- Pesakit perlu mengambil rawatan selama 6 bulan
- 2 bulan pertama pesakit diminta menelan setiap dos ubat setiap hari dengan disaksikan oleh anggota kesihatan yang terlatih.
- Peringkat sambungan selama 4 bulan pesakit perlu mengambil ubat 2 kali seminggu di bawah penyeliaan seseorang yang dilantik.
- Pesakit perlu menggunakan kombinasi dan dos-dos ubat yang betul mengikut jangkawaktu yang ditetapkan.
- Dengan rawatan yang sempurna pesakit boleh sembuh sepenuhnya.



Pencegahan

- Dapatkan suntikan BCG bagi
 - Bayi yang baru lahir
 - Murid sekolah : Darjah 1 (7 tahun) sekiranya tiada bekas parut
: Darjah 6 - Vaksinasi semula
- Dapatkan pemeriksaan segera sekiranya anda mengalami batuk berterusan lebih dari 2 minggu
- Kontek, iaitu ahli keluarga atau individu yang rapat dengan pesakit Tibi hendaklah tampil membuat pemeriksaan.



Kemudahan Mengesan dan Rawatan

Pemeriksaan kahak dan rawatan penyakit Tibi boleh diperolehi secara percuma di semua klinik dan hospital kerajaan.



Nasihah Am

- Banyakkan cahaya matahari masuk ke dalam rumah kerana cahaya matahari boleh membunuh kuman Tibi
- Pastikan rumah anda mendapat pengudaraan yang sempurna dengan membuka pintu dan tingkap
- Amalkan cara hidup sihat dan makan makanan yang seimbang



Diterbitkan oleh
Bahagian Pendidikan Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia